

Puteri Umno Atur Strategi Hadapi PRK Parlimen Teluk Intan
Bernama
May 13, 2014

TELUK INTAN, 13 Mei (Bernama) -- Pergerakan Puteri Umno mengatur pelbagai strategi bagi menghadapi pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan pada 31 Mei ini, termasuk menarik sokongan golongan muda kepada Barisan Nasional (BN).

Ketuanya Mas Ermieyati Samsudin berkata Puteri Umno telah memperinci tugas 500 anggotanya bagi menjejaki setiap pengundi muda dalam usaha untuk merampas kembali kerusi Parlimen Teluk Intan yang dikuasai pembangkang.

"Kita amat yakin dengan pengalaman yang ada, kita dapat melakukan gerak kerja dengan lebih baik lagi...strategi tetap diatur, kita akan mengambil kira keperluan setempat yang kita rasakan boleh mendapat undi daripada mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat khas PRK bersama-sama Puteri Umno di sini hari ini.

PRK Parlimen Teluk Intan diadakan berikutan kematian penyandanginya Seah Leong Peng, 58, daripada DAP pada 1 Mei lepas.

Pada pilihan raya umum ke-13 tahun lepas, Seah mengalahkan calon BN Datuk Mah Siew Keong dan calon Bebas K. Moralingam dengan majoriti 7,313 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan penamaan calon PRK Teluk Intan pada 19 Mei dan pengundian 31 Mei.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038030>